

Kota Bharu, Kelantan.

3 July, 1952

Inche Zulkifli Hashim,
 Setia Usaha Agong UMNO Malaya
 131, Jalan Ibrahim
JOHORE BAHRU

Tuan,
Bil: (22) dlm. UMNO/SG-86/50

Surat saya bertarikh 15 June 1952 berhubung dengan surat tuan bilangan seperti yang tersebut di atas adakah selamat tuan terima. Saya dengan penoh harapan menunggu akan jawapan tuan berkennaan dengan fasal 4 surat saya itu.

2. Nik Hassan bin Nik Yahaya, unofficial member of Council of State, Kelantan, suka hendak menjadi ahli UMNO berdaftar terus seperti saya, harap kirimkan form. Nik ini ialah orang kuat (Pemuda) di Kelantan. Saya akui dia ini sangat besar pengarohnya dikalangan pemuda di-Kota Bharu khasnya. Yaani dikalangan pemuda yang bersemangat kebangsaan atau siasah, bukannya dilapangan permainan.

3. Berkennaan dengan berita yang tersiar didalam Utusan Melayu bertarikh 2.7.52, cuttingnya ada saya kembarkan bersama ini. Saya berterus terang berkata saya tidak perchaya kepada beliau itu. Atas fikiran saya beliau itu tidak akan berjaya menghidupkan UMNO Kota Bharu dengan sabenarnya yaani mendapat sokongan orang ramai (orang bawah). Dan lagi beliau itu bekas pegawai Malayan Security Service, adeknya sekarang berkerja menjadi pegawai Special Branch, oleh sebab itu orang ramai sangat juriga akan gerak langkahnya dan takut menghampirinya.

4. Jikalau sekiranya yang dipertua UMNO, Tengku Abdul Rahman, sanggup datang ka-Kelantan membubarkan atau menutup UMNO Bahgian Kota Bharu sechara rasmi, saya mendapat tahu Persetian Melayu Kelantan sanggup bergabong dengan UMNO dan sesiapa yang hendak menjadi ahli UMNO bolehlah memasuki Persetian yang akan menjadi atau mengantikan UMNO Bahgian Kota Bharu yang tidak bernyawa sekarang. Nik Kamil, Menteri Besar Kelantan, tetap menjadi penasihat. Harap beri jawapan dengan segera supaya surat rami dari pertubuhan yang berkennaan akan dikirimkan.

5. Jikalau Ibu Pejabat UMNO atau Tengku Abdul Rahman tidak bersetuju dengan chadangan saya (para 4), saya harap sabelum mengambil apa2 keputusan atau tindakan terhadap UMNO Bahgian Kota Bharu hendaklah diambil fikiran Dato Nik Kamil, Menteri Besar Kelantan. Harap Ibu Pejabat atau Tengku Abdul Rahman bersabar dahulu menanti beliau itu balek dari Amerika. Beliau itu sahaja yang nampak yang boleh menghidupkan balek UMNO Kota Bharu, dan beliau itulah yang bertanggong jawab menubohkan UMNO Kota Bharu yang ada sekarang ini dan beliau itulah yang diakui menjadi penganjor yang sabenarnya di Kelantan.

MERDEKA.

c.c. Yang Di-Pertua UMNO,
 P.O. Box No.22,
 Butterworth.

Abdul Majid Tahir
 Telecoms Department,
 Kota Bharu, Kelantan
 25 May, 1953.

Yang Di-Pertua UMNO Malaya,
 131, Jalan Ibrahim,
JOHORE BAHRU

Tuan,

Bilangan: (1) dlm. UMNO/SG-60/53

Perkara : Pilehan Raya Majlis Bandaran Kota Bharu

Berhubung dengan surat tuan berkenaan dengan hal yang tersebut di atas maka dengan ini saya maalomkan iaitu setelah saya bertukar2 fikiran dengan ahli2 UMNO yang boleh di-harap menjadi chalon dalam pilehan raya tersebut, saya bahagi UMNO Bahagian Kota Bharu oleh sebab2 saperit berikut akan menchalon-kan sesiapa atas nama UMNO tetapi ahli2 UMNO boleh-lah menchalon diri mereka maseng2 sebagai chalon bebas (Independent):-

(a) UMNO Bahagian Kota Bharu belum function lagi yaani mempunyai body dan working committee. Chuma baharu hendak bergerak hendak di-hidup-kan semula. Jawatankuasa yang ada chuma mempunyai kuasa untuk mengada-kan meshuwarat agong tahunan sahaja. Sila lihat jawapan saya kapada surat Ibu Pejabat bilangan (33) dlm. UMNO/SG-86/50, yang mana hingga hari ini belum berjawab lagi.

(b) Surat tuan telah terlewat datang-nya. Saya telah terima surat tuan itu pada petang 23.5.53. Jadi suntok sangat bagi saya hendak bergerak dan bertindak, pada hal ahli2 UMNO telah membuat ketentuan menchalon-kan diri mereka sebagai chalon bebas. Hari mengangkat chalon ia-lah pada 27 May 1953 tidak beberapa hari lagi.

(c) Jikalau UMNO hendak masok dalam pilehan raya ini sudah tentu pehak MCA tidak boleh di-ketepi-kan, pada hal masa tidak ada untuk membuat rundingan. Kalau pun sanggup berpadu dengan MCA masa tidak menisinkan dengan kedudukan UMNO Bahagian Kota Bharu sekarang. Tambahan pula polisi UMNO-MCA alliance boleh di-jadi-kan momok oleh provocateur dan musoh2 UMNO kerana di-Kelantan raayat sangat churiga pada bangsa china.

(d) Kalau pun UMNO masok jua dalam pilehan raya ini saya tidak dapat hendak menentukan chalon2 yang layak bagi pehak UMNO. Ada yang layak mereka ini tidak mahu di-chalon-kan atas nama UMNO kerana sebab2 mengenai diri mereka. Begitu juga banyak ahli2 UMNO hendak menjadi chalon dan kalau tidak di-ambil mereka semua harus menimbul-kan perselisihan boleh jadi oleh sebab ini mendatang-kan kerumitan atau halangan untuk menghidup-kan semula UMNO Bahagian Kota Bharu.

2. Saya perchaya ahli2 UMNO yang berjaya dalam pilehan raya ini tentu akan bersetuju yang mereka itu di-akui nanti sebagai wakil atau mewakili UMNO. Saya akan beritahu Ibu Pejabat ahli2 UMNO yang berjaya dalam pilehan raya ini. Polling Day ia-lah pada 4 July 1953.

3. Yang mustahak sekali sekarang ia-lah UMNO Kota Bharu hendak di-hidup-kan semula dengan seberapa segera. Harap Tuan Jaafar Albar datang ka-Kota Bharu sachepat mungkin untuk membangun-kan UMNO Kota Bharu semula dan sebagai wakil Ibu Pejabat untuk menyiasat kedudokannya "on the spot investigation".

MERDEKA,

Lampiran III

28th May, 53.

(3) dlm. UMNO/SG-60/53.

Kepada,
Enche Abdul Majid bin Haji Tahir,
Telecoms Department,
Kota Bahru,
KELAUTAN.

Tuan,

PERSEDIA'AN KERANA PILEHAN RAYA MAJLIS MESHUARAT NEGERI.

Adu-lah di-ma'alomkan bahwa surat tuan bertarikh pada 25 May, 1955, telah di-terima. Maka bagi menjawab-nya, saya sukm menyatakan bahwa sunggoh-pun sova luhachita yang UMNO Kota Bahru tidak mengambil bahagian dalam Pilehan Raya Majlis Bandaran itu, tetapi saya puas hati yang sebabnya UMNO ketinggalan itu ia-lah bukan kerana lain, malahan kerana susunan dan tadbirnya belum kemas lagi atau dengan lain perkata'an, ia-lah Bahagian UMNO Kota Bahru ada-lah sebenar-nya belum ada.

2). Bagaimana pun, saya berharap tuan akan berusaha sunggoh2 supaya dapat di-kemasukan dan di-susun baik Bahagian Kota Bahru dengan segera supaya dapat di-buat persedia'an2 yang lengkap bagi menghadap Pilehan Raya Majlis Meshuarat Neigeri (State Council) yang tidak lama lagi akan di-adakan.

3). Berkenaan dengan ahli2 UMNO yang bertanding secara bebas dalam Pilehan Raya Majlis Bandaran itu dan ta'berani bertanding dengan nama UMNO ta'payah-lah UMNO memungkung kepada mereka (UMNO mendawa mereka-lah wakil2 UMNO dalam Majlis Bandaran).

4). Saya sudah banyak kali mengatakan bahwa orang2 yang bekerja dalam basan2 Siasah tiada-lah boleh bersifat takut melainkan kepada Allah juar. Apa yang kita boleh takut-kon ia-lah orang2 yang lundukan perjuangan-nya dan kewajipan-nya kepada Bangsa, Tanah Ayer dan Igama-nya kerana lalai dengan kemewahan dan kesenangan yang didapatinya.

28 May,

53.

- (2) -

5). Saya telah meminta Tuan Syed Ja'afar Albar, Pegawai Penerangan pergi ke Kota Bahru untuk memberi penerangan di-sana. Harap tuan bantuan programme lawatan-nya dan tolong beritahu dengan segera supaya beliau dapat kesana memberi pertolongan dan usaha tuan menghidupkan UMN, Kota Bahru.

MERDEKA


Tunku Abdul Rahman Putra
YANG DI-PERTUA UMN/MALAYA.

JA/HB.

Urusi / SG. NO 86/1950
Setiausaha Agong UMNO,
131, Jalan Ibrahim,
JOHORE BAHRU.

66 Telecoms Department,
Kota Bharu, Kelantan.
30 June, 1953.

66 150.

Tuan,

Bilangan:UMNO/SG-86/50.

Lampiran IV

Mesruarat Agong UMNO Bahagian Kota Bharu bagi tahun 1953 telah di-lansong-kan pada pukol 3.15 petang hari Jumaat, 19 June, 1953, di-dewan Majlis Ugama Islam Kelantan. Mesruarat ini di-hadzir oleh lebih korang 100 orang.

Susunan mesruarat ialah saperti berikut :-

1. Uchapan wakil Jawatankuasa Sementara.
2. Melantek Pengurus Persidangan.
3. Uchapan Pengurus Persidangan.
4. Melantek Jurutulis atau Setia Usaha Persidangan.
5. Melantek Pegawai2 Bahagian yang baharu.
6. Uchapan Pengerusi Bahagian yang baharu di-lantek.
7. Uchapan terbuka kapada ahli2 UMNO.
8. Mesruarat di-tangoh-kan.

Perkara 1. Saya telah memberi uchapan bagi pehak Jawatankuasa sementara. Bersama surat ini ada di-kembar-kan surat uchapan saya.

Perkara 2. Yang Berhormat Nik Hassan bin Haji Nik Yahya telah di-lantek menjadi Pengurus Persidangan.

Perkara 3. Y.B. Nik Hassan bin Haji Nik Yahya telah beruchap.

Perkara 4. Abdul Majid bin H. M. Tahir (saya) telah di-lantek menjadi Jurutulis atau Setia Usaha Persidangan.

Perkara 5. Mereka saperti berikut telah di-lantek menjadi Pegawai2 Bahagian yang baharu:

Pengerusi: Enche Ismail bin Mahmud,
Setia Usaha Gulit Tengku Mahkota Kelantan

Timbalan Pengerusi: Nik Mohamed bin Abdul Rahman,
Bekas Yang Di-Pertua PKMM (MNP) Kelantan.

Bendahari: Haji Wan Omar bin Haji Wan Mahmood,
Bekas Penggawa Gunong.

Perkara 6. Enche Ismail bin Mahmud telah beruchap.

Perkara 7. Y.B. Nik Hassan bin Haji Nik Yahya telah beruchap berkenaan dengan DERMA KAMERDEKAAN. Derma Kamerdekaan yang dapat di-pungut dalam persidangan ini ialah sabanyak \$103.20 - Money Order No.019400 ada di-serta-kan bersama surat ini.
Tuan Haji Nik Abdul Rahman bin Nik Yaacob dan Enche Daud bin Haji Salleh telah beruchap.

Perkara 8. Mesruarat di-tamat-kan pada pukol 6.00 petang.

Peringatan: Tidak saorang pun pegawai2 lama Bahagian Kota Bharu yang di-lantek semula dan mereka saorang pun tidak ada yang hadzir dalam mesruarat yang tersebut.



فرتوهون دیه- آن بلايز بر ساتو
بها گین کوت به ارو- گلتن.

سایی با این تحریری مانو بهاکین کوت بهارو بر اس چوک ۲ فروهانی داشت فریتنین دقوو داسیل گند جوچن (منtri) است بایق مده
سایی با چاچ دادن اخبار ۲ پلیواران المکرس دانجوق کدر صحابه ۲ سایی مولوی دان مکور داوسن لشتنن است. اولان ۳ دان توکوان ۲ ایت دنگران
سایی ایاله ساتو سوکونین بیشتر ترا هادف چینا فرجوق اهن امنو ده منتهه کرد و بیکان تکری این دان سایی بر قدرهه جوچن بیو رعیت ۲ جلات سکلین مدغ
مدغیل برمهه های داوسن لیکد ۴ عدادیل اوه امنو درند امکان ۵ بیداریل اوله غریزون ۶ سیاسته هلا ۷ این بزه ۸ آله ۹ بوا مر لک سانه ۱۰ چه دروغ گند
دامر ۱۱ امنو بع مدغ دفرچو چونکن سکلارخ

داس ۳ امتو می سمع در جو گل عنکن سکارخ
سای سوک متربکن منشی بوا یتف ۲ فر توبین سایه تار افتاب اد سهان با ۲ فرولی پی سولوت باکی فرجوشان بیوله تاجور کن چیز ۳ فارتنی
ایست. فارتنی سایه سفره امتو بات فارتنی بفتر سکالی سکارخ یتید تر کجوبالی در فده ادان فولی ۲ بی سولیه تابن فول ابیل فارنی ۳ ایست سمع
دباره فوججه بسکیمان دوالم استجعو ناهلهای بو این. نند تنشو فر توبین ۲ فولیک بپیش ۲ هرجو گل عنکن گمرکنداکن اون تو، میکینن در ده مول
بومی این فتحجاهن اوت و اینگ سکالی او بیراف سنجات سولوت او تو، مادا لکن موبه ۳ شده، تنت مکلکدلوی فرجوشان اون.

فولیک ایت یونک سا تو پندان پلکورس. فولیک اداله ساتو نند پلکورس ۲ تونر ان. پیشنه دان مرپلیکن ۱۰۰ میلیگرام. پیشنه دان مرپلیکن ۱۰۰ میلیگرام اوله ایت جکلوک بک میکر دانس حال فرلیپین ایت بایت سوات فر کارابع پیغ عجائب بایت ساتو نند پیغ ملکووی حکمه ۳ دان حیله ۲ پلکورس پلکورس ۲۰ میلیگرام اوله ایت جکلوک بک میکر دانس حال فرلیپین ایت بایت سوات فر کارابع کچیل ک کیت یافده هیز ان لاقی. یندی فایلهله کیت مولوس انو مکدر کن لاقی. لاقی کیت مستن ایت هیز ۱۹۵۱ دان فایلهله کیت مولوس انو مکدر کن لاقی.

هندی منتظر بود که نکری این پیلپله داده را در زمین می‌گذاشت. هنوز همانجا نباشد و می‌گذرد. هنوز همانجا نباشد و می‌گذرد.

ایت نمای مدنّه لایهین ۲ بع مری کون پرس کند کیب کدمین باری گفته
بیراف تامون دهولو قلکاوای ۳ کراچان ساد پرورنده تیکای ابورند. تله بیری پشتوان دان سوکوشن بخ ووه کند فروتوهين امو اکن
بايق فیضین ۴ امنو قدماست ایت مکلچ جوان ۵ ایت پشکی کراچان. تاثیي سمحق داتوه سر عون مناری میکن دزد دیغین امنو شمه
مری بیکت فون توره سام شاری بیکن هری بیزی ایت ۶ پشتوان دان کرجام سفره مریک بري دهولو ماک سکاریگ دن دینشان دوزن
اسعیل ایت بر عدهانه بیهوده کراچان ایت ۷ پشکی بیزی مریک دهولو پیدق منخدح و نهاد لاکی کند امنو سیکان دوا بیک ناهون پهلاو
او له ایت ساپی فرجای دان پیعن بھووا کلکاوای ۸ کراچان تاکه کراچان مفعیل سوات ایت
کائنس مریک ایت بک مامولی جمودر داده فروتوهين امنو. بولهنهه سر بیک این تندکن هاتی مریک سکاریگ بھووا کراچان بید لاکی منخدح بیرون و کند
فر توهين این بیکن دفن فرنستش ایت بر عدهانه کراچان تله مد کو بخ امو این اداهه سینه ۹ فروتوهين بغير تنوغ بلاکچ کند رهیت جايات بغير داس کسر
کراچانه. دان شمی ایکن ملکتکو فرجلان امنو لاکی.

امن و ایت رہبت - رعیت ایت اندو

مرد بگا

اسحیل بن محمود

فلورسی امنو

کلشن - بهارو کوت جاگن

کوت ہارو کانت

PERTUBOHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU

PEJABAT SETIA USAHA AGONG UMNO
 NO.131, Jalan Ibrahim
 Johore Bahru
 23 September, 1954

Bil:YDP/G/18/54

Kepada: Ahli2 Jaatankuasa Kerja Agong UMNO
 Pegawai2 Perhubungan UMNO
 Semua Pengurusi Bahgian
Semua Setia Usaha Bahgian UMNO

SURAT KELILING BIL: 30/54

Tuan,

Dengan hormat-nya di-ma'alomkan Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi berperasa'an apabila berunding dengan Yang Maha Mulia Raja2, Pegawai2 Keraja'an tidak harus ambil bahgian di-dalam lapangan politic dengan memegang jawatan di-dalam sabuah Pertubohan Politic, mereka ha-nya boleh menjadi ahli sahaja.

Circular No.26, Tahun 1949, Paragraph 4, memberar Pegawai2 Keraja'an mengambil sepenoh2 bahgian di-dalam politic melainkan Pegawai2 Keselamatan dan Hakim2 dan Lawyer2 Keraja'an.

Menurut peratoran yang baru, Pegawai2 Keraja'an yang di dalam Division 4 dan sebilangan yang kecil di-dalam Division 3 boleh mengambil bahgian dengan sepenoh2-nya.

Pegawai2 yang sekarang ini yang memegang jawatan di-dalam Party Politic boleh meneruskan dengan sharat mereka meminta kebenaran daripada keraja'an bagi membentarkan mereka memegang jawatan dan lagi suatu sharat-nya ialah mereka tidak boleh mengeluarkan apa2 rahsia yang mereka dapat tahu di dalam masa mereka memegang jawatan Keraja'an itu. Jikalau sharat2 ini tidak di ikuti, kebenaran yang di-beri kepada-nya akan di-tarek balek. Peratoran ini akan berjalan kuat-kuasa pada 1 October, 1954 hingga 1 October, 1955, atau pun mana2 masa yang Keraja'an akan memberitahu kelak, tetapi masa-nya itu tidak-lah kurang dari se-tahun. Peratoran ini terkena kepada Pegawai2 Federal tetapi tiap2 negeri akan menjalankan peratoran ini juga.

Saya nasihatkan sekalian Pegawai2 Keraja'an yang memegang jawatan di-dalam UMNO, supaya menulis meminta kebenaran itu serta mengaku akan ta'tit setia juga kepada Keraja'an dan mengaku tidak akan mengeluar apa2 rahsia yang di-dapat di-dalam pekerja'an-nya.

Saya pinta'-lah kepada ahli2 UMNO, supaya jangan-lah terkejut atau naik ketakutan di atas sebarang apa yang di-hadapi dari masa ini hingga kepada Pilehan Raya dan terima dengan hati yang tenang dan semangat yang tinggi. Allah jua akan menyelamatkan perjuangan kita.

MERDEKA,

Lampiran VII

No. 53 in UMRN/SC 56/1950

REGISTERED.

Ismail bin Mahmood,
C/O Istana Jahar, Kota Bharu,
Kelantan. 6th October, 1953.

Tuan Setia Usaha Agong,
Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu,
Jalan Ibrahim,
Johore Baru.

C O N F I D E N T I A L.

Dengan hormatnya bersama2 ini saya kembar-kan satu laporan diatas perjalanan UMNO di-Kelantan yang diharap tuan tulong bentang-kan kepada Jawatan Kuasa Kerja Agong bagi pertimbangan-nya Dan sukachita saya mendapat apa2 keputusan Jawatan Kuasa Kerja Agong didalam perkara ini. Saya berpendapat bahawa perkara ini adalah sangat2 mustahak, oleh itu diharap tuan tulong sempurna-kan dengan schepat mungkin. Trima kaseh.

MERDEKA.

Seperjuangan.

.....
PENGURUSI UMNO BAHAGIAN
KOTA BHARU%

5th Nov - 10th Nov. Kota Bharu &
Tempat.

LAPORAN PERJALANAN UMNO KELANTAN SEKARANG
DAN AKAN DATANG

Pada masa sekarang ada 7 bahagian UMNO di-Kelantan yaitu 1.Kota Bharu 2.Pasir Puteh 3.Tumpat 4.Pasir Mas 5.Bachok 6.Machang dan 7.Ulu Kelantan. Dalam 7 bahagian yang tersebut itu hanya 3 bahagian sahaja yang buleh dikata-kan ada bergerak sedikit sebanyak yang termampuh masing2, yang 4 bahagian lagi itu maseh tidak mengurol langkah - dengan tegasnya buleh-lah dikata-kan telah mati. Ini-lah yang sangat menyedeh-kan kami sekalian. Langkahan2 telah diambil untuk menggerak-kan bahagian2 yang tersebut itu tetapi dengan dukachitanya telah tidak berhasil. Sebab2 yang tidak berhasil itu adalah seperti disebut-kan dibawah ini:-

i. Mengikut langkahan lama mereka2 yang dijadi-kan Pimimpin UMNO di-tiap2 Ja jahan (Bahagian) ialah dari kalangan Pegawai Tinggi Kerjaan (Lazimnya D.O. dan A.D.O.) jadi bila masa merekaitu ditukar kelain tempat maka Bahagian UMNO ~~xxx~~ disitu harus layu jika tidak pun mati terus.

ii. Setengah2 Pimimpin yang tersebut itu takut2 hendak mengambil "Acti Part" dalam urusan UMNO hanya dipada-kan dengan adanya UMNO ditempat-ny itu sahaja. Dengan hal yang demekian orang2 dibawahnya jadilah "Anak buruk ibu rintik".

iii. Yang buleh terpilih Pegawai2 Tinggi Kerajaan jadi Pimimpin UMNO itu ialah dengan sebab tiada ada mereka dari kalangan orang-ramai yang berkebulehan untuk memimpin UMNO - hanya ada dua tiga orang tetapi ta' chukup bilangan untuk dijadi-kan Jawatan Kuasa Bahagian.

iv. Tiada ada Pegawai Perhubungan UMNO di-Kelantan pada masa ini.

Ini-lah setengah2 sebab yang besar yang telah dan sedang menggalang-kan perjalanan UMNO menuju ke pantai chita2nya yang suchi morni.

2. Maka dengan sebab UMNO sekang sedang didalam perjuangan kemuncaknya dengan tuntutan mengada-kan Federal Election dalam tahun 1954 dan untuk membuat perpaduan dengan M.C.A. didalam tiap2 State (Bahagian Kota Bharu telah pun melantek Liaison Committee dengan M.C.A. tetapi tidak-lah memwakili seluruh Kelantan,pada halnya M.C.A.memwakili seluruh Klantah) Maka dengan sebab itu patut-lah Kelantan dijadi-kan satu Bahagian sahaja - Bahagian yang 7 itu dijadi-kan chawangan sahaja dengan sahalus2nya,fikir dan berpendapat yang sayugia diambil dengan schepat mungkin. Langkahan ini diasas-kan diatas sebab2 seperti dibawah ini:-

i. Tenaga2 ditiap2 Bahagian yang ~~xx~~ kini tidak mengchukupi bilangan untuk dijadi-kan Jawatan Kuasa Bahagian buleh-lah disatu-kan dengan lain2 tenaga di-Bahagian lain2, yang juga tidak chukup bilangan-nya

ii. Dapat dichantum-kan tenaga2 yang tersebut dan perkerjaan UMNO kelak dapat-lah di"Centralised"kan.

iii. Liaison Committee dengan M.C.A. baru-lah dapat memwakili State.

iv. Dikala Election dapat sebahaman semasa melantek chalum2 UMNO.

3. Jika pehak Jawatan Kerja Agong UMNO bersetuju dengan shoran ini diminta Ibu Pejabat mengambil kangkahan menghanter "Directive" kepada tiap2 Bahagian di-Kelantan supaya diada-kan perjumpaan wakil2 Bahagian untuk menyatu-kan bahagian2 yang tersebut dengan ~~xxxx~~ schepat mungkin.

KELANTAN SELATAN:

Abdul Khalid bin Awang Osman (All.)	21,746 votes
Dato' Nik Ahmed Kamil bin Mahmood (Neg.)	7,175 votes
* Haji Mohamed Noor bin Haji Yusoff (P.M.I.P.)	3,600 votes
No. of rejected ballot papers	1,136
No. of names on register of electors used at the poll	39,084
Percentage of registered electorate voting	86.1%

KELANTAN TIMOR:

Nik Hassan bin Haji Nik Yahya (All.)	30,954 votes
* Dato' Nik Ahmed bin Haji Nik Mahmood (Neg.)	4,019 votes
* Mohd. Asri bin Haji Muda (P.M.I.P.)	2,292 votes
* Mohamed bin Ibrahim (Ind.)	883 votes
No. of rejected ballot papers	1,011
No. of names on register of electors used at the poll	46,221
Percentage of registered electorate voting	84.7%

PASIR MAS:

Tengku Ahmad bin Tengku Abdul Ghaffir (All.)	20,963 votes
Haji Mokhtar bin Haji Ahmed (P.M.I.P.)	7,507 votes
No. of rejected ballot papers	979
No. of names on register of electors used at the poll	34,779
Percentage of registered electorate voting	84.7%

KELANTAN UTARA:

Tengku Indra Petra bin Sultan Ibrahim (All.)	28,428 votes
Dato' Nik Hussein bin Nik Zainal (Neg.)	6,295 votes
No. of rejected ballot papers	1,337
No. of names on register of electors used at the poll	42,510
Percentage of registered electorate voting	84.8%

KELANTAN TENGAH:

Abdul Hamid bin Mahmud (All.)	28,422 votes
* Tengku Annuar Zainal bin Tengku Zainal Abidin (Neg.)	2,970 votes
* Dato Nik Mohamed bin Abdul Rahman (Ind.)	1,154 votes
* Idris bin Haji Mohamed (Ind.)	721 votes
No. of rejected ballot papers	1,003
No. of names on register of electors used at the poll	43,149
Percentage of registered electorate voting	79.4%

Sumber: Smith T.E., Report on the first Election of members legislative council of The Federation of Malaya, hal. 75-76